

09 JUL 2001

Syed Razak-Pelan

PELAN 'KEDAH MAJU 2010' DILANCAR SEPTEMBER

ALOR SETAR, 9 Julai (Bernama) -- Pelan tindakan pembangunan "Kedah Maju 2010" untuk menjadikan Kedah sebuah negeri maju pada tahun berkenaan demi kebaikan semua penduduknya, dijangka dilancarkan September ini.

Sebelum itu, ia akan dikemukakan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk penilaiannya, kata Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain.

Beliau berkata pelan itu mampu memuaskan hati semua pihak kerana kerajaan negeri mengambil kira segenap aspek sosial dan pembangunan yang merangkumi semua lapisan masyarakat.

"Semua perancangan pembangunan, ekonomi, pendidikan dan sosial mengambil kira kepentingan masyarakat luar bandar daripada segi kemudahannya untuk menjadikan Kedah negeri maju pada tahun 2010 nanti," katanya kepada pemberita selepas sesi dialog Kedah Maju 2010 di sini hari ini.

Beliau yakin pembangkang akan setuju dan menyokong segala perancangan projek-projek kerajaan pada masa akan datang kerana tidak ada lagi ruang untuk mereka membuat bantahan terhadap pelaksanaannya.

Syed Razak berkata draf pelan tindakan pembangunan Kedah Maju 2010 telahpun siap.

Katanya sesi dialog Kedah Maju 2010 akan sentiasa diadakan dengan melibatkan agensi-agensi kerajaan dan pihak swasta bagi membincangkan butiran pelaksanaannya.

Pelan itu adalah hasil cetusan idea Syed Razak dan laporan penuh pelan itu disediakan oleh Unit Perancangan Ekonomi Negeri Kedah.

Ia menggantikan rancangan 10 tahun Pelan Tindakan Pembangunan Kedah (KDAP) yang dibuat sebelum ini.

"Pelan ini cukup lengkap kerana kita memasukkan elemen perancangan KDAP di dalamnya yang memberi penekanan terhadap sektor pertanian, perindustrian dan pelancongan," katanya.

-- BERNAMA

MNH MAI